

16/07/2002

Pas henti maki Umno jika hukum Islam dilaksana

KOTA BHARU, Isnin - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata partinya akan menghentikan perbuatan memaki hamun Umno jika al-Quran dan hadis dijadikan dasar pelaksanaan perundangan di negara ini.

Sambil menjelaskan kemarahan Pas terhadap Umno bukan bersifat peribadi, beliau berkata, Pas tidak akan membangkitkan soal agihan kuasa jika Umno mengubah pendekatannya daripada bercorak sekular kepada berlandaskan ajaran Islam.

"Kalau Umno guna al-Quran dan hadis, Pas nak maki mereka buat apa lagi kerana Umno dan Pas menjadi sama... kita tak makilah. Yang kita maki tu sebab dia lawan kita tak ikut cara demokrasi... tak beri kita ceramah.

"Malaysia ni harta siapa yang dia tak beri kami ceramah. Pas dan Umno sama-sama ada saham dalam menjaga Malaysia, jadi kenapa dia tak bagi saham kita... hak dia pun hak dia, hak kita pun hak dia," katanya selepas sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kota Darul Naim hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kekesalannya dengan sikap Pas yang tidak menyatakan secara khusus kesalahan pemimpin kerajaan, terutama Umno, sehingga menghalalkan mereka terus dimaki hamun pemimpin parti pembangkang itu.

Perdana Menteri berkata, Pas mesti menyatakan sebab yang menghalalkan mereka memaki hamun pihak lain dan bukan sekadar mendakwa mereka berhak berbuat demikian.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan mendakwa, perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam dianggap tidak memadai kerana status itu tidak mengubah keadaan dari aspek pemerintahan, sekali gus mengekalkan kedudukan Umno sebagai parti sekular.

Ditanya sama ada maki hamun Pas terhadap Umno akan berterusan, beliau berkata pihaknya tidak mahu perkara itu berlarutan tanpa kesudahan.

Bagaimanapun, katanya, Umno perlu mematuhi kehendak Pas dan tidak menolak al-Quran sebagai dasar pentadbiran di negara ini.

"Sebagai orang Melayu beragama Islam, Umno tiada sebab langsung untuk tak terima al-Quran dan hadis. Sudahlah tak terima, dia lawan kita habis-habisan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), tak bagi ceramah... kita peduli apa, padanlah kena maki pun," katanya.

Sementara itu, di ALOR STAR, Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mendakwa tindakan pemimpin muda Pas memaki hamun pemimpin kerajaan, terutama Umno, kononnya sebagai membalas tindakan pemimpin kerajaan menghina Islam.

Beliau mendakwa, tindakan memaki hamun itu hanya pada peringkat kata-kata berbanding tindakan pemimpin kerajaan yang kononnya bukan setakat pada peringkat kata-kata, malah perbuatan.

Abdul Hadi mendakwa, ahli dan penyokong Pas terdiri daripada 'Melayu yang tidak mudah lupa' dan menganggap ia sebagai penghinaan pemimpin kerajaan terhadap Islam apabila menyebut hukuman hudud akan menyebabkan ramai umat Islam tidak mampu bekerja kerana tangan mereka sudah kudung.

"Kami Pas adalah Melayu yang tidak mudah lupa. Kami tidak pernah lupa kenyataan Perdana Menteri dan pemimpin BN yang menghina Islam apabila mereka menghina hukum hudud.

"Mereka kata kalau hudud dilaksanakan, ramai orang Islam kudung tangan tanpa mereka menyedari ini hukum Allah, bukan hukum Pas. Mereka menghina Allah lebih daripada menghina Pas.

"Tuduhan zina dan liwat ke atas Datuk Seri Anwar (Ibrahim) lebih

daripada mencarut. Ini tindakan paling tidak berakhlak. Anak-anak muda Pas membalas dengan kata-kata tetapi mereka dengan tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar ketika pelancaran 10 visi calon Pas bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Amiruddin Hamzah, di Markas Pas Alor Pe, Anak Bukit, dekat sini hari ini.